


PM mahu pelan tindakan atasi kemiskinan diwujudkan

BH - 6/8/2007

Dialog perlu garis langkah praktikal tangani masalah negara membangun



Oleh Azmi Md Deros,
Abdul Halim Yusof
dan Zainab Mohd Yatim

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak ketua negara yang menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 2007) untuk bersama-sama mencari penyelesaian berkekalan terhadap masalah kemiskinan yang menjadi antara agenda utama dialog kali ini.

Perdana Menteri berkata, selepas dua hari LID 2007 berlangsung nanti, idea yang dibincangkan mesti dizarhikan dalam satu pelan tindakan khusus dikenali 'The Way Forward' bagi memastikan pengalaman dan pengajaran yang diperoleh daripada dialog itu tidak sia-sia.

Abdullah berkata, dokumen itu akan menjadi panduan dan penyuluh kepada usaha untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan terus kemiskinan dalam dunia sedang membangun yang sentiasa membelenggu masyarakat.

Beliau berkata, LID mencari pandangan dan input berdasarkan pengalaman sebenar yang akan menjadi inti pati pelan tindakan pasca LID 2007.

"Antara sasaran saya untuk LID kali ini ialah mencergaskan semula perbincangan mengenai kemiskinan dengan meletakkannya dalam kerangka yang membolehkan kita mengenal pasti langkah praktikal mengenai apa dan yang patut dibuat untuk mengurangkan dan menghapus kemiskinan.

"Adalah menjadi harapan saya dalam dua hari akan datang, kita dapat mencapai persetujuan berhubung apa yang perlu dilakukan, meskipun jika kita tidak mempunyai jawapan pasti mengenai cara terbaik melakukannya.

"Saya yakin, prinsip perkongsian pintar kita menerusi pengalaman akan membantu menemui penyelesaian terbaik terhadap masalah kita," katanya berucap pada majlis makan malam dan LID 2007 di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Antara ketua kerajaan yang hadir termasuk Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Mosilili; Presiden Namibia, Hifikepunya Pohambe Puke; Pre-



RAI TETAMU: Abdullah serta ketua negara yang menyertai LID melawat pameran Dialog Antarabangsa Langkawi, semalam. Turut hadir Datin Seri Jeanne Abdullah, Najib dan Syed Hamid.

siden Zambia, Levy Patrick Mwanawasa; Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanon; Raja Swaziland, Raja Mswati III dan Presiden Zimbabwe, Robert Gabriel Mugabe.

Dialog edisi kelapan LID ini bertemakan 'Pembasmian Kemiskinan Melalui Pembangunan Modal Insan dan Pembinaan Keupayaan'.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, beliau yakin negara peserta boleh menangani cabaran itu kerana semuanya memiliki sumber melaksanakannya.

"Kita mempunyai modal insan. Jika ada sebarang kekurangan, ia adalah kerana sesebuah negara berkenaan kekurangan keupayaan dan rakyatnya tidak cukup berkemahiran. Justeru, marilah kita menanganinya kedua-dua masalah ini dan tampil dengan jawapannya," katanya.

“Saya yakin, prinsip perkongsian pintar menerusi pengalaman akan menemui penyelesaian terbaik terhadap masalah kita”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Beliau berkata, jumlah penduduk 50 negara termiskin di dunia ketika ini merangkumi 20 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk dunia, tetapi 20 peratus masyarakat itu hanya mempunyai akses kepada dua peratus saja pendapatan dunia.

"Dengan kata lain 1.1 bilion penduduk dunia hidup dalam kemiskinan tegar iaitu pendapatan harian mereka adalah kurang daripada AS\$1 (RM3.50) sehari. Tugas membasmi kemiskinan adalah tanggungjawab antarabangsa," katanya.

Abdullah berkata, adalah jelas bahawa pembinaan keupayaan merangkumi ruang lingkup yang luas, tetapi bagi kalangan pembuat keputusan dan kakitangan awam, mereka mempunyai peranan khusus.

Katanya, golongan berkenaan perlu menyediakan prasarana bersesuaian dan persekitaran dasar yang diperlukan bukan hanya untuk pembangunan ekonomi dan sosial, tetapi juga kondusif untuk mencapai matlamat utama, iaitu penghapusan kemiskinan dalam masyarakat.

"Pada peringkat akar umbi, perlu ada program sokongan bagi membolehkan golongan miskin menjana pendapatan. Mereka hendaklah diupayakan untuk mempunyai akses dan memanfaatkan pelbagai sumber termasuk tanah, buruh, modal, prasarana serta teknologi.

"Skim pembiayaan mikro kredit, seperti model Bangladesh yang berjaya, dapat membantu usahawan kecil memula atau mengembangkan

perniagaan. Ini akan membantu usahawan kecil mendapat tapak dalam arus perdana ekonomi dan mengangkat diri keluar daripada kemiskinan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Abdullah berkata, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga adalah penting untuk menjana kegiatan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan dan akhirnya meleraikan belenggu kemiskinan.

Perdana Menteri berkata, satu lagi komponen penting dalam pembinaan keupayaan ialah berkaitan pengukuhan kemahiran teknikal dan pentadbiran organisasi menerusi kerjasama teknikal, penyediaan latihan, perkhidmatan pakar dan pembekalan peralatan.

Beliau berkata, perhatian khusus juga perlu diberikan untuk meningkatkan keupayaan generasi muda dan wanita.

"Sebahagian besar daripada negara sedang membangun mengabaikan potensi dan bakat golongan ini untuk memberi sumbangan kepada kemajuan negara," katanya.

Terdahulu, pada sebelah petang, Perdana Menteri sempat meluangkan masa mengadakan tiga sesi pertemuan dua hala dengan ketua kerajaan, iaitu Presiden Sudan, Omar Hassan Al-Bashir; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe dan Presiden Namibia, Hifikepunya Pohambe Puke.

Abdullah meluangkan masa 30 minit dengan setiap pemimpin berkenaan.